

01/07/2003

Pembinaan rumah SPNB jana kegiatan ekonomi RM48 bilion

Norliza Abdullah

SEJUMLAH 150,000 unit rumah mampu milik bernilai RM6 bilion yang akan dibina Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) dalam tempoh lima tahun akan datang dianggarkan dapat menjana kegiatan ekonomi bernilai RM48 bilion.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis berkata, nilai kegiatan ekonomi yang dapat dijana itu berdasarkan anggaran kesan penggandaan RM8 bagi setiap RM1 yang dibelanjakan bagi pembinaan rumah berkenaan.

Beliau berkata, menurut perancangan, daripada 150,000 unit rumah mampu miliki itu, SPNB mensasar menyiapkan 48,000 unit tempoh sehingga hujung tahun depan.

Daipada jumlah itu, 10,000 unit sudah disiapkan, manakala bakinya sedang dalam pembinaan, katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas mendengar taklimat mengenai kemajuan pelaksanaan skim pemilikan rumah yang dilaksanakan SPNB di bawah Pakej Strategi Baru di Kuala Lumpur semalam.

Taklimat disampaikan Pengerusi SPNB, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa mengumumkan pakej ekonomi itu Mei lalu berkata kerajaan merancang membina 150,000 rumah mampu milik bernilai RM6 bilion dalam tempoh lima tahun akan datang.

Jamaludin berkata, rumah mampu milik berharga RM150,000 ke bawah itu akan dibina di seluruh negara dengan kira-kira 50 peratus di Lembah Klang.

"Kerajaan memberi tumpuan di Lembah Klang kerana permintaannya melebihi dari negeri lain, terutamanya kerana kepesatan pertambahan jumlah penduduk dan faktor migrasi penduduk dari luar bandar ke bandar," katanya.

SPNB ketika ini memiliki rizab tanah seluas 1,400 hektar di seluruh negara dan sedang mengenal pasti tanah seluas 2,800 hektar lagi untuk pembinaan rumah mampu milik itu.

Jamaludin berkata, SPNB akan mendapatkan pembiayaan daripada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi membiayai kos pembinaan rumah berkenaan.

"Walaupun kos keseluruhan bagi membina rumah itu adalah RM6 bilion, tetapi SPNB hanya akan mendapatkan pembiayaan RM1 bilion daripada KWAP dan KWSP sebagai modal pusingan," katanya.

Jamaludin berkata, pembiayaan daripada dana pencen itu bukan sesuatu yang baru kerana ia sudah dilaksanakan di Amerika Syarikat dan negara Eropah.

Katanya, langkah mendapatkan pembiayaan melalui KWAP dan KWSP itu juga sejajar usaha kerajaan memaksimumkan pulangan dividen kepada pencarumnya.

"Menerusi pelaburan dalam pembinaan rumah mampu milik itu, selain menikmati kadar dividen yang tinggi, pencarum dapat memiliki unit

kediaman  
mampu milik," katanya.

Sementara itu, Jamaludin berkata, kerajaan menggalakkan pemilik rumah kos rendah bernilai kurang RM42,000 menjual rumah masing-masing bagi membeli rumah yang lebih selesa.

Beliau berkata, berkuat kuasa 1 Jun lalu, kerajaan membenarkan pemilik rumah kos rendah menjual rumah mereka selepas lima tahun membelinya berbanding 10 tahun sebelumnya.

Langkah itu diambil bagi membolehkan pemilik rumah kos rendah menduduki rumah lebih selesa sejajar peningkatan dalam pendapatan mereka, katanya.

Beliau berkata, pemilik boleh menjual rumah kos rendah mereka pada harga pasaran.

Bagaimanapun, selepas penjualan itu mereka tidak akan dibenar mengemukakan permohonan bagi membeli rumah kos rendah.

"Kerajaan akan memantau penjualan rumah kos rendah bagi memastikan tidak ada pihak yang menyalahgunakan kelonggaran itu untuk mengaut keuntungan,"  
katanya.